



جَابَتَانِ كَمَا جَوَانَ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi: www.islam.gov.my

Ruj. Kami : JAKIM.100-1/6/1 Jld. 7(85)

Tarikh : 10 September 2024

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Semua Pengarah Bahagian/ Ketua Unit

Semua warga JAKIM

YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PINDAAN ARAHAN PENTADBIRAN JAKIM BILANGAN 1 TAHUN 2018 KEMUDAHAN CUTI GANTIAN

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Mingguan JAKIM Bilangan 6 Tahun 2024 bertarikh 22 Julai 2024 telah bersetuju supaya **Cuti Gantian boleh dipertimbangkan oleh Pengarah Bahagian/ Ketua Unit kepada pegawai tetap dan kontrak (*Contract of Service*) Gred 44 dan ke bawah yang diarahkan menjalankan tugas lebih masa pada hari bekerja biasa (selepas tamat waktu bekerja), hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am tetapi tidak berkelayakan mendapat bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas lain.**

3. Peruntukan tersebut adalah bagi meminda kaedah pelaksanaan di perenggan 6(ii) Arahan Pentadbiran JAKIM Bilangan 1 Tahun 2018, Pemberian Cuti Gantian kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan dan Profesional adalah dihadkan untuk kerja lebih masa/ program yang dilaksanakan pada hari cuti rehat mingguan, hari kelepasan am dan cuti umum.

4. Sehubungan itu, perenggan 6(ii) Arahan Pentadbiran JAKIM Bilangan 1 Tahun 2018 adalah dibatalkan.
5. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
☎ : 03-8870 7000
💻 : siraj@islam.gov.my

s.k.

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia